



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
18 APRIL 2019 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

KOSMO

- | | |
|---|----|
| - Food Bank ringankan kos sara hidup rakyat | 10 |
|---|----|

Utusan Malaysia

- | | |
|-------------------------------|----|
| - Lestari atau malapetaka | 46 |
| - Bayaran tanpa tunai bermula | 47 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 18 APRIL 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	Food Bank ringankan kos sara hidup rakyat
Muka Surat	10

10 NEGARA
Analisis Kosmo!

KOSMO 18/4/19 M/s 10

Food Bank ringankan kos sara hidup rakyat

Menjengah Minda
Bersama NURUL AFIDA KAMALUDIN (Bernama)

Sementara itu, Pensisarah Perniagaan Antarabangsa dan Firma Multinational di Hiroshima City University, Jepun, Prof. Madya Dr. Nurhaizal Azam Arif pula melihat Program Food Bank Malaysia sebagai inisiatif yang sememangnya dapat meringankan beban mereka yang tidak mempunyai pekerjaan selain mengurangkan pembaziran makanan.

"Ramai yang terbuka untuk memberi sekali gus mengekang unsur pembaziran makanan yang tidak terjual dan akhirnya dibuang begitu sahaja," katanya.

Ditanya mekanisme lain yang sesuai dilaksanakan bagi membantu golongan memerlukan sekali gus mengurangkan bilangan B40, Nurhaizal Azam berkata, dalam tempoh jangka pendek, sistem bancar bagi barangan asas serta keperluan pendidikan atau barangan sekolah boleh diperkenalkan.

"Bagi jangka masa panjang pula, kerajaan perlu melakukan perubahan terutama dalam aspek dasar ekonomi, industri dan pembangunan sosial

rakyat selain sektor swasta mewujudkan peluang pekerjaan.

"Ketika ini, penawaran tenaga kerja dengan peluang pekerjaan yang sesuai didapati kurang sepadan. Kita ada ramai graduan tetapi mereka tidak mendapat kerja yang sepatutnya kerana syarat mendapatkan pekerjaan adalah terlalu tinggi selain berbeza dengan bidang kekeluargaan mereka," katanya.

Selubungan itu katanya, kerajaan boleh membantu syarikat tempatan terutamanya industri kecil dan sederhana untuk menjadi ejen utama yang memangkinkan penciptaan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi melalui inovasi dan teknologi baharu.

Ini dapat melonjakkan pengeluaran negara ke tahap nilai tambah tinggi dan memberi pendapatan tinggi kepada rakyat berdasarkan produktiviti dan kemahiran mereka.

Selain Program Food Bank Malaysia, KPDNHEP turut mengetahui dan menyelaras usaha memperkasa sistem e-dagang dan bayaran tanpa tunai di negara ini serta menguatkuasakan undang-undang dan menerima aduan pengguna berkenaan perniagaan online.

KPDNHEP juga mencadangkan indeks pengukur kos sara hidup bagi menentukan kenaikan gaji lebih munasabah berdasarkan enam komponen utama yang menyumbang kepada beban hidup rakyat iaitu makanan, perumahan, kos utiliti, pengangkutan, kesihatan dan pendidikan.

KOSMORAMA Oleh MARO

Harga pelawak pun dah mahal sekarang ni! Ada cecah 3 juta tul!

Wow! Sekali show ke orang bayar 3 juta?

Sekali orang samani!

Chehhi!



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 18 APRIL 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Lestari atau malapetaka
Muka Surat	46

KHAMIS • 18.04.2019

UTUSAN KOTA

um 18/4/19 MYS 46

Lestari atau malapetaka

APABILA Datuk Dr. Abd. Latif Mahmud berulang kali menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) mendapatkan khidmat arboris untuk memantau pokok-pokok di kawasan bandar pada tahun lalu, pihak berkenaan sepatutnya sudah sedar bahawa keadaan sudah 'kronik'.

Penulis juga ternanti-nanti apa kesudahan 'cerita' di sebalik kesungguhan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) itu yang sanggup menyalurkan segala input daripada pakar botani berpengalaman di institusi berkenaan kepada PBT.

Apabila bercakap mengenai pokok, Abd. Latif bukan orang sembarangan. Beliau merupakan antara saintis terawal dan termuda negara yang mendapat pelbagai pengiktirafan dalam bidang perhutanan di peringkat global.

Saranan beliau mengenai ancaman pokok tua yang mengalami kemerosotan sistem akar sepatutnya diterima sebagai wake up call. Namun setakat ini, masih tiada perkembangan positif berlaku.

Jika dilihat pada statistik Jabatan Bomba dan Penyelamat, kira-kira 4,000 kejadian pokok tumbang berlaku setiap tahun dengan purata 300 kes setiap bulan. Angka itu pasti lebih, kerana banyak juga yang tidak dilaporkan.

Kemalangan melibatkan pokok tumbang tidak boleh dikatakan kejadian yang jarang-jarang berlaku. Lihat sahaja puluhan kenderaan yang rosak ditimpa pokok di sekitar Bangi, Kajang dan Semenyih minggu lalu.

Di pusat bandar Kuala Lumpur pula, ribuan pokok tua masih menjadi penghias landskap sedangkan ia adalah agen malapetaka yang hanya menunggu masa untuk memusnah harta benda dan meragut nyawa.

Dalam hal ini penulis melihat keperluan mendesak untuk PBT menyemak semula pelan pengurusan pokok secara lebih bersestematik.

Alasan untuk mengekalkan kehijauan di bandar juga perlu diteliti. Jika mahu menggunakan alasan pokok sebagai penyerap karbon dioksida dan meningkatkan kualiti udara, mungkin pokok seperti Hujan-Hujan perlu diganti dengan spesies-spesies yang lebih selamat.

Jika dilihat di negara-negara maju, pokok bersaiz besar seperti itu langsung tiada tempat di tengah bandar kerana telah lama menjadi isu.

Bahkan konsep hijau juga tidak boleh diukur pada jumlah pokok semata-mata. Di China dan Kanada, kerajaan lebih menggalakkan konsep itu melalui penanaman tumbuhan pada bangunan tinggi yang berfungsi sebagai penapis pencemaran dan meningkatkan nilai estetika bandar itu sendiri.

Justeru, dalam memperkukuhkan konsep bandar hijau, kita perlu mencari keseimbangan yang baik tanpa memperjudikan keselamatan orang awam.

Ukur Jalan
ABD. HALIM HADI



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 18 APRIL 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Bayaran tanpa tunai bermula
Muka Surat	47

um 18/4/19 ms 47.

Bayaran tanpa tunai bermula

KUALA LUMPUR 17 April - Perkhidmatan Bas RapidKL di bawah Rapid Bus Sdn. Bhd. (Rapid Bus) untuk koridor Ampang semalam melaksanakan sepenuhnya sistem bayaran tambang tanpa tunai.

Kaedah sama akan turut dilaksanakan di koridor Cheras, Sungai Besi dan Jalan Klang Lama pada 29 April ini manakala koridor Damansara, Jalan Ipoh dan Jalan Pahang (13 Mei) dan koridor Lebuhraya Persekutuan (27 Mei).

Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Bus, Muhammad Yazurin Sallij Muhammad Yassin berkata, sistem pembayaran itu hanya memerlukan penumpang membayar tambang menggunakan kad Touch N' Go atau pas perjalanan tanpa had Rapid KL MY100 atau MY50.

"Pengenalan sistem ini bertujuan membantu melancarkan proses pembayaran yang mana penumpang hanya perlu menyentuh kad untuk masuk dan keluar dari bas.

"Pelaksanaan sistem ini lebih menjimatkan masa. Dahulu penumpang mengambil masa kira-kira enam puluh saat tapi sekarang hanya dengan sekali sentuhan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas tinjauan Pelaksanaan Hari Pertama Sistem Pembayaran Tanpa Tunai di Laluan Bas Koridor Ampang di Hab Bas KLCC di sini.

Menurut Muhammad Yazurin Sallij, penumpang yang menggunakan kad turut menikmati diskaun 20 peratus dari harga tambang biasa manakala pemegang kad konsepsi pelajar, warga emas dan orang kelainan upaya pula menikmati diskaun 50 peratus.

Pihaknya menyasarkan lebih 400,000 penumpang akan menggunakan perkhidmatan bas tersebut setiap hari.

Mengulas mengenai perkhidmatan bas di koridor Ampang, beliau berkata, sebanyak 64 buah bas beroperasi di koridor itu membabitkan 11 laluan iaitu 300, 302, 303, BET7, T300, T301, T302, T303, T304, T350 dan T351 dengan purata 30,349 penumpang harian yang direkodkan sehingga Mac lalu.



MUHAMMAD YAZURIN SALLIJ MUHAMMAD YASSIN menunjukkan penggunaan kad Touch N' Go sebagai kaedah bayaran baharu tanpa tunai di Hab Bas KLCC. - UTUSAN/ZAINI HUSIN